

Pakej Strategi Baru diterima

JUM 10 JUN 2003

PUTRAJAYA 9 Jun — Pergerakan positif Indeks Komposit (IK) Bursa Saham **Kuala Lumpur (BSKL)** menunjukkan Pakej Strategi Baru (PSB) ekonomi yang diumumkan kerajaan bulan lepas diterima baik oleh rakyat dan pelabur, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan menarik perhatian buat pertama kalinya IK BSKL berjaya memisahkan kaitan dengan Pasaran Saham New York.

“Biasanya pasaran kita turun naik mengikut (indeks) Dow Jones tetapi kini apabila Dow Jones menurun, kita masih menaik. Jadi ini satu perkara yang baik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi ketiga Majlis Dialog Bajet 2004 dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan di Kompleks Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Pada 21 Mei lepas, Dr. Mahathir mengumumkan PSB bagi merangsang semula kegiatan ekonomi dengan memberi fokus kepada sektor-sektor yang menjana pertumbuhan.

Antara lain pakej itu menyediakan peruntukan bagi meningkatkan taraf infrastruktur bertujuan merangsang kegiatan ekonomi luar bandar, menyediakan dana bagi program pinjaman berjumlah RM5.6 bilion dan melaksanakan Projek Harapan untuk memudahkan rakyat memiliki rumah.

baik rakyat, pelabur

Apabila pakej rangsangan itu diumumkan, IK BSKL naik 3.41 mata kepada 640.37 mata.

IK BSKL melonjak kepada 682.43 mata **Khamis** lepas dan bergerak mencapai tahap tertinggi **tahunan** hari ini apabila berhenti pada 685.25 mata pada penutup tengah hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya, **Perdana Menteri** berkata, kerajaan **yakin** langkah-langkah di **bawah** PSB mampu menjana semula pertumbuhan **ekonomi** melebihi **paras** 4.5 peratus yang diunjurkan.

Sehubungan itu, beliau berharap PSB dapat dilaksanakan **dengan gigit** oleh semua pihak supaya objektifnya dapat dicapai.

Dr. Mahathir percaya tema Bajet 2004 iaitu ‘Menangani Persekitaran Luar yang Tidak Stabil dan Memastikan Pencapaian **Pertumbuhan Berte-rusan**’ adalah tepat selaras dengan perkembangan ekonomi global yang masih tidak menentu.